

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**25 FEBRUARI 2019**

---

**1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN  
PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Mohd Hafizi Bin Samsuari telah dilantik menjadi Pegawai Tadbir Jabatan Perkhidmatan Perbandaran berkuatkuasa 1 Februari 2019.

**2. MPSP CAR FREE MORNING PADA 3 MAC 2019 (AHAD)**

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 3 Mac 2019 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Tema pada kali ini adalah Sambutan Hari Wanita Sedunia. Terdapat pelbagai aktiviti yang menarik antaranya Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Gubahan Bunga, zumba, cabutan bertuah dan banyak lagi aktiviti menarik.

Antara agensi yang turut serta adalah Penang Women's Development Corporation (PWDC), Women's Centre for Change (WCC) dan Penggerak Komuniti Muda Pulau Pinang (PEKA). PWDC dan WCC akan mengadakan pameran Sempena Hari Wanita Sedunia, manakala PEKA akan mengumpul baju PRELOVED , barangan dapur, barangan mandian dan permainan untuk diagihkan kepada golongan miskin. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

### **3. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU 2019**

Dimaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu 2019 yang telah bermula pada 1 Disember 2018 dan akan tamat pada 28 Februari 2019.

Pembayar cukai taksiran yang masih belum membuat bayaran dan ingin menyertai cabutan bertuah digalakkan membuat bayaran dengan segera secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau melalui agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi.

Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790** atau e-mail di [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

#### **4. PENGENAAN NOTIS E-TAKSIRAN PADA 1 MAC 2019**

Dimaklumkan bahawa, 28 Februari 2019 (Khamis) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2019.

Pembayaran cukai taksiran boleh dilakukan di kaunter Berpusat MPSP seawal 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari pada hari Sabtu dan Ahad. Manakala masa operasi kaunter berpusat MPSP akan dilanjutkan sehingga 8.30 malam pada 28 Februari 2019 (khamis).

Mulai 1 Mac 2019, Caj Notis E sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya anda masih belum lagi membuat bayaran selepas 15 hari daripada

Notis (Borang E) dikenakan, waran tahanan sebanyak RM50.00 akan dikeluarkan dan barang-barang yang ada dalam premis akan disita.

Sila jelaskan cukai taksiran dengan segera bagi mengelakkan harta disita atau tindakan undang-undang akan diambil oleh MPSP. Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran, hendaklah membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**.

Bayaran boleh dibuat secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau melalui agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi.

## 5. GROWTH MARKET, AUTOCITY

Dimaklumkan bahawa Program Growth Market akan diadakan pada 10 Mac 2019 di Autocity, Juru bermula jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari. Program ini diadakan setiap Ahad minggu kedua, program ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada pengunjung mengenai kesedaran kitar semula dan penanaman secara organik.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah jualan produk berasaskan barang kitar semula, sayur-sayuran organik, pameran kesihatan dan pameran LA 21 (Local Agenda 21). Program ini secara tidak langsung dapat membantu penduduk mencari pendapatan sampingan. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam program ini.

## **6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 17 Mac 2019 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 24 Mac 2019 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **7. KARNIVAL 8R BERSAMA JCI (JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL) BATU KAWAN**

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan. Karnival 8R ini akan dijalankan pada 24 Mac 2019, diadakan di Pasar Awam Kota Permai. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. 8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**